

Penternakan lembu fidlot terus berdaya saing dan mampu memenuhi jaminan bekalan makanan, ladang satelit dibangunkan secara komersial seiring Dasar Pengeluaran Daging Lembu Negara.

Ladang satelit jamin bekalan daging negara

SALAH satu usaha untuk memastikan penternakan lembu fidlot terus berdaya saing dan mampu memenuhi jaminan bekalan makanan, ladang satelit dibangunkan secara komersial seiring Dasar Pengeluaran Daging Lembu Negara.

Di bawah projek ini, kerajaan menyasarkan untuk menarik penglibatan sektor swasta secara meluas. Ini kerana komitmen pihak swasta dan sistem pengeluaran serta pemasaran secara bersepadu dijangka dapat membantu melonjakkan prestasi pengeluaran daging.

Bagaimanapun, terdapat pelbagai kekangan dikenal pasti dalam penglibatan pihak swasta, antaranya kekurangan tanah untuk dijadikan kawasan ladang, kos pelaburan infrastruktur dan kemudahan asas yang tinggi serta tempoh matang yang lambat.

Bagi mengatasi halangan tersebut, kerajaan menyediakan kemudahan supaya kos menjalankan perniagaan oleh pelabur dapat dikurangkan dan menarik minat mereka untuk berkecimpung dalam bidang ini.

Ini dapat membantu mengurangkan kos pelaburan awal pihak swasta dengan tertumpu kepada modal kerja mengikut saiz operasi masing-masing pada kos modal yang minimum.

Oleh itu, ladang satelit telah diwujudkan sebagai ladang penternakan lembu



PENTERNAKAN lembu fidlot di ladang satelit dapat memenuhi jaminan bekalan makanan negara.

pedaging secara sistem fidlot yang dibangunkan dengan prasarana asas di tanah Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Persekutuan dan Negeri di seluruh Semenanjung Malaysia.

Ladang satelit merupakan komponen penting dalam menjana dan memastikan sasaran pengeluaran daging dalam negara meningkat. Ia merupakan unit kecil dalam pengeluaran lembu fidlot yang dibangunkan di seluruh Semenanjung Malaysia.

Peladangan kontrak ini dibangunkan

untuk meningkatkan pengeluaran daging dalam negara dan peluang perniagaan di kalangan pengusaha lembu fidlot. Peserta dan penternak dijangka memperoleh pendapatan RM75,000 setahun di samping membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat di sekitar kawasan projek.

Sehingga kini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar membangunkan 67 unit ladang satelit di seluruh negara dan sebahagiannya telah beroperasi. Pembangunan projek ladang satelit bermula dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) pada 2008 di Negeri Sembilan (28 unit), Johor (21 unit), Kedah (4 unit), Perak (2 unit), Terengganu (8 unit) dan Kelantan (4 unit).

Dalam tempoh tersebut, seramai 32 pengusaha lembu telah menjalankan operasi ladang satelit di seluruh negara dengan populasi lembu yang telah diternak sebanyak 5,994 ekor sehingga Mac 2012.

Pengeluaran daripada ladang kontrak ini dijangka mencapai sehingga 55,000 ekor setahun sekiranya beroperasi sepenuhnya kelak.

